

# Rahsia van di tepi lorong

*Kastam rampas 671,000 batang rokok seludup dianggarkan bernilai RM452,725*

Oleh Hazira Ahmad  
Zaidi  
am@hmetro.com.my

**Kota Bharu**

Rahsia sebuah van Toyota Hiace diletakkan di tepi lorong sebuah kampung di sini, terbongkar berikutan penemuan 82 peti mengandungi 671,000 batang rokok seludup bernilai RM452,725 termasuk cukai pada Rabu lalu.

Serbuan kira-kira jam 12.45 tengah hari itu dilakukan sepasukan anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan selepas melakukan risikan hasil maklumat yang diperolehi.

Pengarah JKDM Kelantan, Mohd Nasir Deraman berkata, siasatan mendapati penyeludup menggunakan modus operandi dengan



**MOHD Nasir (tengah) bersama pegawainya menunjukkan rampasan rokok seludup. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR**

menjadikan kenderaan sebagai tempat simpanan rokok seludup.

Menurutnya, keadaan itu dilakukan dipercayai bagi memudahkan pergerakan selain mengelak daripada dikesan pihak berkuasa se-

belum diedarkan kepada pelanggan tempatan.

“Ketika serbuan dilakukan, tidak ada sebarang tangkapan dan kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967.

“Jika sabit kesalahan bo-

leh didenda tidak kurang dari 10 kali nilai barang atau RM100,000 yang mana lebih besar dan tidak lebih dari 20 kali nilai barang atau RM500,000 yang mana lebih besar atau dipenjarakan tidak kurang dari enam bu-

lan dan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama,” katanya dalam sidang media di Pejabat JKDM Padang Bongor di sini, semalam.

Mohd Nasir berkata, dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, JKDM Kelantan menerima sebanyak 183 kes penyeludupan rokok membabitkan 22 tangkapan.

“Dalam tempoh itu, lebih 11 juta batang rokok seludup bernilai RM1.5 juta dirampas membabitkan cukai berjumlah RM7.4 juta.

“Tidak dinafikan, permintaan terhadap rokok seludup masih tinggi dan pihak kami sentiasa melipatgandakan usaha dan mengadakan pemeriksaan berterusan di outlet-outlet untuk memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok,” katanya.